

Aktiviti 2

Baca teks, fahami dan tulis maksud perkataan.

Hati-hati Membantu



Babak 1

Aliya dan abangnya, Azim membantu ibu mereka menghidangkan makanan.

Ibu: Hati-hati, Aliya. Mangkuk sup yang ibu bawa ini masih panas.

Aliya: Baiklah, ibu. Usah ibu **risau**, saya akan berhati-hati. Ibu boleh meletakkan mangkuk sup itu di atas **pelapik** ini. Mengapakah ibu memakai **sarung tangan** tebal?

Ibu: Sarung tangan tebal ini sangat penting, Aliya. Pemakaiannya dapat mengelakkan tangan ibu **tercedera** semasa membawa benda yang **panas**.

Babak 2

Ibu Aliya selalu **berpesan** kepada anak-anaknya supaya **berhati-hati** semasa membantunya di dapur.

Ibu: Azim, hati-hati semasa menatang dulang air teh itu kerana airnya masih panas. Jika **tertumpah** dan terkena pada tangan, pasti tangan akan **melecur**.

Azim: Baiklah, ibu. Saya akan sentiasa mematuhi **nasihat** ibu.

Kenal pasti maksud perkataan di bawah.

1. risau	
2. pelapik	
3. sarung tangan	
4. tercedera	
5. panas	
6. tertumpah	
7. melecur	
8. berpesan	
9. berhati-hati	
10. nasihat	

ajaran

bimbang

alas

meminta

berwaspada

terluka

hangat

tercurah

melepuh

Kaus tangan